

SULIT  
3756/2  
PRINSIP  
PERAKAUNAN  
OKTOBER  
2004  
2½JAM

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN TERENGGANU  
DENGAN KERJASAMA  
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

3756/2

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004**

**TINGKATAN : EMPAT**

---

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**KERTAS 2**

**2 jam 30 minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*Arahan kepada calon:*

*Jawab lima soalan sahaja : semua soalan dalam Bahagian A dan mana-mana satu soalan dalam Bahagian B*

*Bersama dengan kertas soalan ini, setiap calon akan diberi alat tulis perakaunan berikut :*

<i>Buku Tunai</i>	<i>2 helai</i>
<i>Jurnal</i>	<i>2 helai</i>
<i>Lejar</i>	<i>5 helai</i>
<i>Lembaran Kerja</i>	<i>2 helai</i>

*Kekemasan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah*

*Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan*

*Mulakan tiap-tiap jawapan pada halaman yang baru*

---

**Kertas ini mengandungi 15 halaman bercetak**

3756/2 © 2004 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu

[Lihat sebelah  
**SULIT**

**Bahagian A**

*Jawab semua soalan*

- 1 Pada 1 Oktober 2004, Puan Mira memulakan Perniagaan Miera sebagai penjual mesin jahit di Kuala Terengganu. Beliau memasukkan wang tunai RM40 000 ke dalam bank dan tunai di tangan RM500 sebagai modal perniagaan.

Berdasarkan dokumen-dokumen perniagaan sepanjang bulan Oktober yang diberi dalam Lampiran A, anda dikehendaki menyediakan :

- ( a ) Catatan dalam buku-buku catatan pertama yang sesuai termasuk Buku Tunai (Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak perlu ditunjukkan).  
[ 12 markah ]
- ( b ) Catatan dalam lejar berkenaan  
[ 9½markah ]
- ( c ) Imbangan Duga pada 31 Oktober 2004  
[ 7½ markah ]

**SULIT**

2. Berikut ialah Imbangan Duga Perniagaan Chenor Damai, sebuah perniagaan milikan tunggal yang beroperasi di bandar Jelevu, Negeri Sembilan. Imbangan Duga Perniagaannya pada 30 Oktober 2004 adalah seperti berikut:

	<b>Debit</b> <b>RM</b>	<b>Kredit</b> <b>RM</b>
Modal 1 November 2003		38 000
Stok pada 1 November 2003	6 400	
Angkutan masuk	370	
Pulangan keluar		180
Belian	16 730	
Jualan		35 540
Insurans	1 487	
Kadar bayaran	208	
Komisen diterima		575
Ambilan	980	
Perabot	9 700	
Alat pejabat	13 590	
Diskaun diberi	270	
Tunai	540	
Bank	15 460	
Gaji	4 500	
Sewa	3 300	
Penghutang	5 640	
Pemiutang		4 880
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	79 175	79 175

**Maklumat tambahan :**

- (i) Stok pada 31 Oktober 2004 bernilai RM 11 520.
- (ii) Sewa terakru RM 300.
- (iii) Komisen yang belum diterima RM 125.
- (iv) Mewujudkan 5% peruntukan hutang ragu ke atas penghutang.
- (v) Perabot disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2004 dan berakhir 31 Oktober 2004  
[10 ½ markah]
- (b) Kunci kira-kira pada 31 Oktober 2004 dengan menunjukkan modal kerja.  
[8 ½ markah]

**SULIT**

3:( a ) Berikut ialah senarai aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dipetik daripada Perniagaan Karisma yang beroperasi di bandar Kuala Terengganu.

Tandakan ( / ) di dalam jadual yang disediakan di bawah.  
(Calon mesti menjawab dalam kertas ini.)

Bil	Butir	Aset		Liabiliti		Hasil	Belanja
		Semasa	Bukan Semasa	Semasa	Bukan Semasa		
	<b>Contoh : Tunai di bank</b>	/					
1.	Penghutang						
2.	Overdraf Bank						
3.	Faedah atas simpanan						
4.	Pinjaman						
5.	Simpanan Tetap ( 18 bulan)						
6.	Duti atas belian						
7.	Komisen diterima						
8.	Kadar bayaran						
9.	Lengkapan						
10.	Pemiutang						

[ 5 markah ]

( b ) Urus niaga berikut telah berlaku dalam Perniagaan Akasya Trading. **Anda dikehendaki** mencatat akaun yang didebitkan dan akaun yang dikreditkan di ruangan yang disediakan di bawah.

(Calon mesti menjawab dalam kertas ini)

Bil	Urusniaga	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
	<i>Contoh : Jualan Tunai RM1 500</i>	<i>Tunai RM1 500</i>	<i>Jualan RM1 500</i>
1.	Pemilik membawa masuk modal dengan tunai di bank RM50 000		
2.	Membeli barang niaga secara kredit RM2 450 daripada Pemborong Maju Jaya		
3.	Bayar belanja baiki kedai secara tunai RM 500		
4.	Menerima sewa sebahagian premis secara tunai RM3 300. Tunai di bankkan.		
5.	Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluaran bernilai RM200.		

[ 5 markah ]

**SULIT**

4. ( a ) Kira dan isikan tempat-tempat kosong berpandukan kepada contoh yang diberi di bawah.

(Calon mesti menjawab dalam kertas ini)

Bil	Butir	Pelarasan		Akaun Untung Rugi	Kunci Kira-Kira	
		Terakru	Terdahulu		Aset Semasa	Liabiliti Semasa
<i>Contoh : Gaji RM4 800</i>		600		5 400		600
1.	Insurans RM1 650		150			
2.	Pengiklanan RM5 500	500				
3.	Sewa dibayar RM 7 700		700			
4.	Faedah atas simpanan tetap RM734	667				
5.	Komisen Jualan RM1 500		100			

[ 5 markah ]

- ( b ) Hitung susut nilai tahunan bagi susut nilai berikut di dalam petak yang disediakan di bawah.

(Calon mesti menjawab dalam kertas ini)

Bil	Aset	Kos	PSN	Kadar susut nilai dan kaedah susut nilai (bg, tahun berakhir 31 Dis 2004 (RM))	Jalan Kerja (RM)	Belanja susut nilai (RM)
		(1 Jan 2004) (RM)	(1 Jan 2004) (RM)			
<i>Contoh : Lengkapan</i>		20 000	0	20% atas kos	20 000 X 20%	4 000
1.	Kenderaan	45 000	0	15% baki berkurangan		
2.	Mesin	40 000	0	5 tahun usia		
3.	Perabot	10 000	1 000	10% baki berkurangan		
4.	Alatan Pejabat	15 000	3 000	10% kaedah kos		
5.	Peralatan	8 000	0	20% garis lurus		

[ 5 markah ]

**Bahagian B***Jawab mana-mana satu soalan.*

5. Perniagaan Runcit Seri Jaya ialah sebuah perniagaan milikan tunggal yang beroperasi di bandar Dungun, Terengganu. Berikut ialah Kunci kira-kira Perniagaan Runcit Seri Jaya pada 30 September 2004.

**Kunci kira – kira pada 30 September 2004**

	RM		RM
Kenderaan	54 000	Modal	71 000
Perabot	8 100	(+) Untung bersih	<u>4 600</u>
Penghutang	4 750		75 600
Bank	6 110	Pemiutang	5 340
Tunai	350		
Stok	7 630		
	<u>80 940</u>		<u>80940</u>

Urus niaga – urus niaga berikut berlaku pada 1 Oktober 2004:

- i. Pemilik perniagaan membawa masuk wang tunai RM 8000 ke dalam bank perniagaan sebagai modal tambahan.
- ii. Bayar kepada pemiutang dengan cek RM1300.
- iii. Membeli barang niaga secara kredit daripada Syarikat Mega RM960.
- iv. Menerima cek RM850 daripada penghutang.
- v. Menjual barang niaga secara tunai dengan harga RM750 kos barang niaga itu ialah RM600.
- vi. Membeli satu set meja untuk kegunaan pejabat RM990 dengan cek.
- vii. Membayar belanja iklan secara tunai RM450.

**Anda dikehendaki menyediakan semula Kunci kira-kira selepas mengambil kira semua urus niaga di atas.**

[ 12 markah ]

**SULIT**

5. Perniagaan Mas Idayu menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar bermula 1 September 2004. Wang permulaan sebanyak RM300 di peruntukkan sebagai dana tunai runcit. Ketua juruwang akan menguruskan pemberian tunai pada seawal bulan berikutnya. Pengurusan wang dalam bulan September 2004 adalah seperti berikut :

		<i>RM</i>
September 2	Setem dan Sampul Surat	12
7	Ballpen dan kertas	32
12	Perabut pejabat	380
13	Dakwat Printer Komputer	35
20	Sampul Surat	15
22	Pos Surat Berdaftar	8
25	Pewangi udara Pejabat	25
28	Upah mencuci dan menghias	35
29	Sewa Kedai	400
30	Buku Catatan	18

**Anda di kehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 1 Oktober 2004 dengan menunjukkan lajur analisis Alat Tulis, belanja Pos dan belanja Pejabat.**

[ 12 markah ]

---

**DOKUMEN PERNIAGAAN**

---



**SULIT**

<b>ASAL</b>		<b>Tang Perabot</b>	
		No.112 Jalan Pulau Kambing	
		22000 Kuala Terengganu	
		Tel: 09- 6224200	No. : 2450
<b>Kepada:</b>		<b>BIL TUNAI</b>	
Perniagaan Miera			
No. 25 Jalan Durian Burong			
21000 Kuala Terengganu		<b>Tarikh : 2 Oktober 2004</b>	
<b>KUAN.TITI</b>	<b>BUTIR</b>	<b>HARGA SEUNIT (RM)</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
4 buah	Kerusi Model 160A	30.00	120.00
2 buah	Meja Model 120	130.00	260.00
1 buah	Almari Cermin	420.00	420.00
<b>Jumlah</b>			<b>800.00</b>
<b>(Ringgit : Lapan ratus sahaja sahaja )</b>			
<b>RM 800.00</b>			
Tunai / No. Cek BIMB111001		<i>Tang</i> Pengurus	

**DOKUMEN 1**

<b>ASAL</b>		<b>Syarikat Teras Jaya</b>	
		No. 426 Jalan Gambang	
		26000 Kuantan	
		Pahang	No. : 386
<b>Kepada:</b>		<b>INVOIS</b>	
Perniagaan Miera			
No. 25 Jalan Durian Burong			
21000 Kuala Terengganu		<b>Tarikh : 3 Oktober 2004</b>	
<b>Kuantiti</b>	<b>Butir</b>	<b>Harga Seunit (RM)</b>	<b>Amaun (RM)</b>
20 buah	Mesin Jahit Suria JS222	540.00	10 800.00
5 buah	Mesin Tepi MT112	900.00	4 500.00
10 dozen	Benang Astia	12.00	120.00
10 dozen	Jarum Jahit	5.00	50.00
20 botol	Minyak Mesin Jahit	2.50	50.00
<b>Tolak : Diskaun niaga 20%</b>			<b>15 520.00</b>
<b>Jumlah</b>			<b>3 104.00</b>
<b>(Ringgit: Dua belas ribu empat ratus enam belas sahaja)</b>			<b>12 416.00</b>
<b>Syarat : 5% 5 hari, 2% 7 Hari</b>			
<b>K. &amp; K. Di K.</b>			
<i>Miera</i> Penerima		<i>Berhan</i> Pengurus	

**DOKUMEN 2**

**SALINAN**  
**Perniagaan Miera**  
No. 25 Jalan Durian Burong  
21000 Kuala Terengganu

**Kepada:**  
Syaza Butik  
No. 210 Jalan Pejabat  
22000 Kuala Terengganu

**INVOIS**

No. : 001  
Tarikh : 7 Oktober 2004

Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Amaun (RM)
5 buah	Mesin Jahit Suria JS222	756.00	3 780.00
1 buah	Mesin Tepi MT112	1 260.00	1 260.00
5 dozen	Benang Astia	16.80	84.00
2 dozen	Jarum Jahit	8.00	16.00
Tolak : Diskaun niaga 10%			514.00
<b>Jumlah</b>			<b>4 626.00</b>

**(Ringgit:Empat ribu enam ratus dan dua puluh enam sahaja)**

Syarat : 5% 5 hari, 2% 7 Hari  
K. & K. Di K.

*Syaza*  
Penerima

*Miera*  
Pengurus

**DOKUMEN 3**

**ASAL**  
**Syarikat Teras Jaya**  
No. 426 Jalan Gambang  
26000 Kuantan  
Pahang

**Kepada:**  
Perniagaan Miera  
No. 25 Jalan Durian Burong  
21000 Kuala Terengganu

**INVOIS**

No. : 395  
Tarikh : 12 Oktober 2004

Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Amaun (RM)
5 buah	Mesin Jahit Suria JS222	540.00	2 700.00
5 buah	Mesin Tebuk Butang	850.00	4 250.00
5 buah	Mesin Sulam	1200.00	6 000.00
20 botol	Minyak Mesin Jahit	2.50	50.00
Tolak : Diskaun niaga 20%			2 600.00
<b>Jumlah</b>			<b>13 400.00</b>

**(Ringgit:Sepuluh ribu empat ratus sahaja)**

Syarat : 5% 5 hari, 2% 7 Hari  
K. & K. Di K.

*Miera*  
Penerima

*Borhan*  
Pengurus

**DOKUMEN 4**

<b>ASAL</b>	<b>Syarikat Teras Jaya</b>		
	No. 426 Jalan Gambang		
	26000 Kuantan		
<b>Kepada:</b>	Pahang	No. : NKT 222	
Perniagaan Miera			
No. 25 Jalan Durian Burong			
21000 Kuala Terengganu			
	<b>NOTA KREDIT</b>	Tarikh : 15 Oktober 2004	
<b>Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:</b>			
<b>Kuantiti</b>	<b>Butir</b>	<b>Harga Seunit (RM)</b>	<b>Amaun (RM)</b>
1 buah	Mesin Jahit Suria JS222	540.00	540.00
Tolak : Diskaun niaga 20%			540.00
<b>Jumlah</b>			108.00
			432.00
<b>(Ringgit:Empat ratus tiga puluh dua sahaja)</b>			
<b>Syarat : 5% 5 hari, 2% 7 Hari</b>			
<b>K. &amp; K. Di K.</b>			
	<i>Miera</i>	<i>Berhan</i>	
	Penerima	Pengurus	

**DOKUMEN 5**

<b>SALINAN</b>	<b>Perniagaan Miera</b>		
	No. 25 Jalan Durian Burong		
	21000 Kuala Terengganu		
		No. : BT001	
<b>Kepada:</b>	<b>BIL TUNAI</b>		
Encik Ramli bin Jusoh			
No. 424 Jalan Bukit Kecil			
21100 Kuala Terengganu		Tarikh : 17 Oktober 2004	
<b>KUANTITI</b>	<b>BUTIR</b>	<b>HARGA SEUNIT (RM)</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1 buah	Mesin Jahit Suria JS222	648.00	648.00
1 dozen	Jarum Jahit	6.00	6.00
2 botol	Minyak Mesin Jahit	3.00	6.00
<b>Jumlah</b>			660.00
<b>(Ringgit : Enam ratus enam puluh sahaja )</b>			
<b>RM660.00</b>			
Tunai / No. Cek		<i>Miera</i>	
		Pengurus	

**DOKUMEN 6**

<b>ASAL</b>	<b>Syarikat Teras Jaya</b> No. 426 Jalan Gambang 26 000 Kuantan Pahang
	<b>RESIT RASMI</b>
	Tarikh : 22 Oktober 2004 No. : 426
<b>Diterima daripada :</b>	<b>Perniagaan Miera</b>
<b>Ringgit :</b>	Sepuluh ribu lima ratus sahaja
<b>Untuk bayaran :</b>	Menjelaskan sebahagian Inv. No. 386
	<b>RM: 1 0 500/=</b>
Tunai/ No. Cek : BIMB 111002	<i>Borhan</i> Pengurus

**DOKUMEN 7**

<b>Tarikh</b>	: 25 Oktober 2004
<b>Penerima</b>	: Puan Mira
<b>Kerana</b>	: Ambilan
<b>Baki akhir</b>	28 700 00
<b>Dimasukkan</b>	- -
<b>Jumlah</b>	28 700 00
<b>Cek ini</b>	250 00
<b>Baki</b>	28 450 00
	No. 111003

**KERATAN CEK**

**DOKUMEN 8**

<b>SALINAN</b>	<b>Perniagaan Miera</b> No. 25 Jalan Durian Burong 21000 Kuala Terengganu
	<b>RESIT RASMI</b>
	Tarikh : 26 Oktober 2004 No. : 001
Diterima daripada :	Syaza Butik
Ringgit :	Tiga ribu lima ratus sahaja
Untuk bayaran :	Menjelaskan sebahagian Inv. No. 001
	<b>RM: 3 500/=</b>
Tunai/ No. Cek : BTTB222001	<i>Miera</i> Pengurus

**DOKUMEN 9**

<b>Perniagaan Miera</b> No. 25 Jalan Durian Burong 21000 Kuala Terengganu
<b>MEMO</b>
Tarikh : 27 Oktober 2004
<b>Kerani Akaun:</b>
Pemilik (Puan Mira) telah membawa masuk komputer dari rumah berkos RM2 500 (Ringgit : Dua ribu lima ratus sahaja) untuk kegunaan perniagaan.
<i>Miera</i> Pengurus

**DOKUMEN 10**

<b>SALINAN</b>	<b>Perniagaan Miera</b> No. 25 Jalan Durian Burong 21000 Kuala Terengganu	
Kepada: Syaza Butik No. 210 Jalan Pejabat 22000 Kuala Terengganu	No. : 002  Tarikh : 28 Oktober 2004	
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin: auto;">INVOIS</div>		
<b>Kuantiti</b>	<b>Butir</b>	<b>Harga Seunit (RM)</b>
<b>Amaun (RM)</b>		
1 buah	Mesin Sulam	1 680.00
1 buah	Mesin Tebuk Butang	1 190.00
4 botol	Minyak Mesin Jahit	3.50
2 dozen	Jarum Jahit	8.00
		2 900.00
Tolak : Diskaun niaga 10%		290.00
<b>Jumlah</b>		<b>2 610.00</b>

(Ringgit: Dua ribu enam ratus sepuluh sahaja)

Syarat : 5% 5 hari, 2% 7 Hari  
K. & K. Di K.

*Syaza*  
Penerima

*Miera*  
Pengurus

**DOKUMEN 11**

<b>Tarikh</b>	: 30 Oktober 2004
<b>Penerima</b>	: Rajesh Hartanah
<b>Kerana</b>	: Sewa Kedai

  

	Ringgit	Sen
<b>Baki akhir</b>	31 950	00
<b>Dimasukkan</b>	-	-
<b>Jumlah</b>	31 950	00
<b>Cek ini</b>	800	00
<b>Baki</b>	31 150	00

No. 111004

**KERATAN CEK**

**DOKUMEN 12**

**Perniagaan Miera**  
No. 25 Jalan Durian Burong  
21000 Kuala Terengganu

No. : 001/04

**BAUCER PEMBAYARAN**

Perkara : Gaji bulan Oktober 2004

Tarikh : 31 Oktober 2004

Bil	Penerima	Tunai /Cek-	T. Tangan Penerima
1	Encik Farhan bin Sani	RM550.00	<i>Farhan</i>
	<b>JUMLAH</b>	RM550.00	

(Ringgit : Lima ratus lima puluh sahaja)

Dilulus Oleh:

*Miera*  
Pengurus

**DOKUMEN 13**

**SOALAN TAMAT**